



PAKAR Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Dr Norzaimah Mohd Idris (kanan) dan kadi daerah Abdul Zaki Mohd Zain (tiga dari kanan) meninjau kawasan kubur lama di Kampung Belukar. - NSTP/Mohd Rafi Mamat

## Pindah 15 kubur lama untuk projek cegah banjir

Oleh Mohd Rafi Mamat  
cnews@nstp.com.my (mailto:cnews@nstp.com.my)

Share

(<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/11/496763/pindah-15-kubur-lama-untuk-projek-cegah-banjir>)

Tweet

([https://twitter.com/intent/tweet?ref\\_src=twsrc%5Etfw&text=Pindah%2015%20kubur%20lama%20untuk%20projek%20cegah%20banjir&tw\\_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/11/496763/pindah-15-kubur-lama-untuk-projek-cegah-banjir](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=Pindah%2015%20kubur%20lama%20untuk%20projek%20cegah%20banjir&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/11/496763/pindah-15-kubur-lama-untuk-projek-cegah-banjir))

Share

(<https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/11/496763/pindah-15-kubur-lama-untuk-projek-cegah-banjir>)

**KUANTAN:** Usaha mencari batu nisan atau sebarang tanda perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum aktiviti menggali dan memindahkan lebih 15 kubur lama yang terletak tepi Sungai Belat di Kampung Belukar, di sini.

Pakar Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Dr Norzaimah Mohd Idris berkata, kegagalan mengesan tanda menyukarkan pihaknya melakukan proses memindahkan kubur terbabit yang tidak pasti kedudukannya.

Beliau berkata, tumbuhan liar yang banyak terdapat di kawasan perkuburan itu perlu dibersihkan terlebih dahulu bagi mengesan kedudukan batu nisan yang mungkin menggunakan batu sungai.

Katanya, tanda lain yang boleh dijadikan panduan untuk mengesan kubur lama milik penduduk Kampung Belukar, di sini, ialah arah kiblat selain maklumat daripada masyarakat setempat.

“Kita sudah memutuskan proses membersihkan kawasan perkuburan ini akan dilakukan awal tahun hadapan selepas musim tengkujuh bagi tujuan melancarkan aktiviti dirancang.

“Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang juga bersetuju untuk memulakan aktiviti mengesan kubur lama itu pada Februari atau Mac tahun hadapan,” katanya, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas lawatan ke kawasan perkuburan lama berkenaan yang turut disertai Kadi Daerah, Abdul Zaki Mohd Zain dan Penolong Jurutera Kanan JPS Pahang Wan Faizah Wan Hussain.

Dr Norzaimah berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan JAIP sebelum membuat sebarang keputusan bagi memastikan tidak berlaku sebarang masalah serta kesulitan membabitkan isu agama.

Katanya, operasi menggali kubur lama yang terbanyak pernah dilakukan pihaknya membabitkan 42 kubur masyarakat Orang Asli Islam yang berada dalam kawasan pembinaan hidro elektrik Ulu Jelai, Cameron Highlands, dua tahun lalu.

“Tahun lalu dua kes mengali kubur dilakukan Bahagian Forensik HTAA iaitu di Tanjung Gemuk, Rompin dan Maran. Aktiviti terbabit antara aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami,” katanya.













Sementara itu, Abdul Zaki berkata, kelulusan daripada Jabatan Mufti diperlukan sebelum keputusan memindahkan kubur terbabit dilakukan, kerana haram tindakan memindahkan kubur tanpa sebarang alasan munasabah.

"Keputusan memindahkan kubur lama di Kampung Belukar bertujuan untuk memberi laluan kepada projek menaik taraf Sungai Belat dan pencegahan banjir yang dikendalikan oleh JPS.

"Demi menjaga kemuliaan si mati kita membuat permohonan untuk memindahkan ke kawasan sesuai dan selamat," katanya.

162 dibaca

## Berita Berkaitan



Trending

https://api.cxense.com/public/widget/click/7tklWpQnhxZeiY4g2rxNeMH6AHeLbkM1WN1\_rHH4qX9ef0LJIPG65HQjSpCf6p2QMa042w948w826xujhN5tC23YlQ4azXPW0vp1PvkfN87JURK3RLszPhixQ7MLB11UTv5vWn9HTsl-sGmgoy5cFa1zhJKos-UBVboZ8Bvu9YUWUTALh06qXsapt\_JWM0e3AZiZv9hxz\_2OCQddMr9ovjACL\_492gmKOoohMs6KMmD5ayLe6t0TR3y5dEL1ZRIUKuEPud2znywACKOkzAhOVK-pNBX2CSiUov00RsS0b8M\_9p81u5u51DrTYSnmlykwpqyxowRuyqpkEsn6m-wRSU2zYDhBJYw-QMDqcY4nYsYwSbkf\_hjNK36LqM3xnmFhgndHXQgdREdQvKJzn49aMCKYVeE\_5MvnnAJM0z6YyML6IXB6z4gJq8gD8E2qvQCDSB6X4GVRMNPindU7KcAokczTJNBwHJ2ol8WHBZjpwMIQXNOPuit6qvekEx\_PhUocwQ-QvHfioVyhnlEHLFbkLkYXQmS-k8s4R14U1TGvSprc0j

Batu nisan bukti Pahang negeri terawal terima Islam (node/77840)

Pembunuh Khashoggi bawa keluar mayat dikerat: Turki (https://api.cxense.com/public/widget/click/5zF9e4RNeyNhZrqr\_k-DhLjnlCjm3ZmsXmNyzWULd8jXBMMOASGcotiYKN0AeSv2rwj0lsV--b8qp6dku1gat2sWYuMvdfKSlwLuyWif--SE0b7Y24EkdPdOwqcodJ\_xM1rG\_S9xyg-opKBuqQJFuG8-tbHLK2XJN4MJ\_StV4WfkmHMrSeDbYCORV7bKPa-1eY2CW0s1zrPeG1yUov0NyhQHMIqgzvE\_BsoPMEXqCsi6UXw5JaUPNbGqR2elQ2zJypGkkp0tWSpbEONHRJMjYUccMcGNQDPDU50a2fMnuou0k0smrEjprMgczk-Jb\_pL0RfjrpBUOchAnY4M2XRZ\_Vaqrngl0bRrc66m\_k8sWnVrg39VX6SPZ1Y45-LC22x15izS\_8e6GPaRD5jotlg-Fv9P8BvHh41kY3JPao5Ev-wJ05dGJvW78pccSnoOraoRGW9Rm9VQbEjghKq8al3zKNVp71qilhh076xwlnWv866B8Mj90-uRn\_y9NNQrDJABV-MW-x7BR7hDvKMH0TPMxAZQ2e1pLr\_01LLg5Od6wos15hqZlw5w8FzWdNlpYzGIPFE\_UvObyblc7EnA2232hyus7kYg1KBLXSSB0)

Kemalangan ngeri kejutan GP Macau (https://api.cxense.com/public/widget/click/D4T1HQJkNNNDVzu3ZFJRSNOoBdZmXoMkApKtInEzo6ncVnD2wVpBtcy0bKcqPd8k8nhCQvrCGTgvKdAaApBJL5Ks\_u6f487j9--4HadZq7Wrc6z8lQ3N71JRzswRZwrXC349PQY-g17HNY60RKHntmx43ZlpgiealB4OAXEYpKYPDEI-p8MCOXDxb7SKogy8pCvrmEqyBkaT2zGvejubKlp5vy0FmclfeUT6y7rCi5VFjD19YF5jz8FavUGPEzXmwqmT4jWK4XDtqjPVZa-KNogGpBWUilyqDdTv8LcKBeaq0t19INDFPNSP0dH5yddN3Puw1OmePHcDILV7opRIMA9\_3vkCh7VjXVYqYrSQmBud4\_RyZcguz2TbPPZ8ReHvErhv2jLL21zHraVMYalbtEBPj0JQWgPPQVj-s4xtD8SSkd4zxbjkeD9gHrLx\_Agyv19x1n-BzVILN9UOwXKJgK0J\_6zFg2TW90z4jF\_vDrYSYNrQmJA9J5Bad0H1F5NQX8oQy4hXVFEwvIvMwC8ROTOK3Au\_UC8zyglaStwjPhwiC\_fyfilFawwJswaOeqhNhx9CLeL\_LKIQ0)

Southgate tabik skuad England 2018 (https://api.cxense.com/public/widget/click/20YADsvm09G9U9-hAQ3ew59WtN48dPKNuP47F0Gj6as-1-Zzs8go5iWgJy\_gSlnjD1zsrNPArJrDeBHNm-FMhZkktO-lykn7SDsKoD2qagiv1ANR8oXw2jYdcxzhkDSiZtoTixzurUa564YJbejMjaphU-sh6qPAXpadSOSwe6u0Smk2ud\_0rbX9jF8EiEMrn3ZEbw7SfhnMkKqsgmaFaSRnW5yCpEIRE028QalaZROoNmcc4TTC-